

# Agih kekayaan secara adil

KUALA LUMPUR, Rabu - Diskriminasi dalam bentuk yang positif masih penting kepada dunia bagi membolehkan setiap kekayaan diagih secara adil terutama untuk mereka yang mencintai demokrasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -  
Kalanya, peluang

sama rata tidak bermakna ia menghasilkan sesuatu yang adil sebaliknya berkemungkinan mewujudkan perbezaan yang nyata.  
"Sebagai contoh, jika diminta orang yang tempang berlumba lari dengan seorang atlit di garisan permulaan yang sama tentunya menyebabkan mereka tiba di garisan penamat

pada waktu yang berlainan.  
"Oleh itu, bagi memastikan sesuatu itu lebih demokratik, pendekatan paling baik dan mudah ialah memberikan setiap negara peluang yang sama dan membiarkan mereka mencapai taraf meningkatkan diri secara tersendiri," katanya ketika merasmikan mes-

ruarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel (CFMM), di sini, hari ini.  
Perdana Menteri berkata, walaupun cara itu demokratik, mereka yang kuat mengamalkan demokrasi masih menerima hakikat bahawa golongan kaya perlu cukai bagi membantu rakyat miskin.